

Lebih ramai pemimpin masyarakat akan dilatih

OLEH HISHAM HAMBARI
mhisham@sph.com.sg

LEBIH ramai pemimpin masyarakat akan menjalani latihan bagi mempersiapkan diri mereka menangani keceemasan.

Ini termasuklah usaha-usaha membantu menenangkan anggota masyarakat apabila tercetus sesuatu krisis.

Mereka akan mengikuti Program Pembangunan Eksekutif Mendampingi Masyarakat (CEED), yang sejauh ini telah melatih 44 pemimpin masyarakat apabila program itu pertama kali diadakan Januari lalu.

Program CEED meliputi bidang-bidang seperti menentang pengganasan dan fahaman ekstremis, kesedaran pentingnya keharmonian kaum termasuk kemahiran seperti dalam persiapan menghadapi kecemasan, memberi bantuan psikologi dan pengantaraan.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Ehwat Dalam Negeri, Encik Wong Kan Seng, berkata memandang maklum balas menggalakkan dari para peserta sulung program latihan itu, lagi dua sesi akan diadakan tahun ini.

"Ini merupakan respons kepada maklum balas anda dari mula lagi bahawa para pemimpin masyarakat perlukan latihan agar mereka dapat membantu mengurus dan menenangkan masyarakat pada masa-masa tercetusnya sesuatu krisis," kata Encik Wong ketika berucap di seminar Program Mendampingi Masyarakat (CEP), di Hotel Grand Copthorne Waterfront, semalam.

Beliau berkata satu lagi program latihan yang bertujuan melatih para pelatih CEP akan juga dianjurkan khusus untuk para lulusan CEED.

Ini bertujuan memastikan mereka berupaya melatih para pemimpin masyarakat lain di kelompok CEP masing-masing, ujarnya.

Encik Wong juga memberi pelbagai contoh kegiatan dan program CEP yang telah diadakan sejauh ini.

Antaranya ialah bagaimana masyarakat telah bersatu untuk membantu usaha polis dan agensi keselamatan menyusuli kes ketua Jemaah Islamiyah (JI), Mas Selamat Kastari, yang melarikan diri dari tahanan.

Encik Wong memberi contoh bagaimana pelan bertindak bersepadu yang dilakar oleh Anggota Parlimen GRC Marine Parade, Dr Fatimah Lateef, dan para pemimpin akar umbinya, berjaya mengerah tenaga masyarakat untuk mengedarkan poster-poster berkaitan dengan Mas Selamat.